

BENTUK DAN KEDUDUKAN KATA TANYA DIALEK PERAK UTARA: SATU HURAIAN DESKRIPTIF

(The Nature and Status of Question Words in The Northern Perak Dialect: A Descriptive Analysis)

Sakinah Nik Muhammad Naziman
key_na989@yahoo.com

Fazal Mohamed Mohamed Sultan
fazal@ukm.my

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Abstrak

Dialek Perak dituturkan dari Kuala Kangsar, Perak Tengah dan seterusnya ke Perak Hilir. Walaupun tiga dialek ini mempunyai persamaan dan dikategorikan dalam satu dialek, iaitu dialek Perak, setiap dialek ini mempunyai subdialek masing-masing. Makalah ini memfokuskan penghuraian secara deskriptif tentang dialek Perak bahagian utara, iaitu untuk mengenal pasti bentuk dan kedudukan kata tanya dalam dialek Perak Utara. Kaedah kajian lapangan digunakan untuk mendapatkan data daripada responden di kawasan kajian, iaitu Kampung Sayong Lembah dan Kampung Simpang Melembu. Kajian ini mendapati bahawa bentuk kata tanya dialek Perak Utara ini walaupun berbeza daripada bahasa Melayu standard, masih dapat difahami oleh masyarakat Melayu yang lain. Perbezaan yang ketara ialah kata tanya ini mempunyai tiga kedudukan, iaitu pada awal, tengah dan akhir ayat. Kedudukan yang pelbagai ini menunjukkan bahawa kata tanya dalam dialek Perak Utara bersifat variasi.

Kata kunci: kata tanya, dialek, Perak Utara, sintaksis, deskriptif

Abstract

The Perak dialect is spoken in an area stretching from Kuala Kangsar to central and lower Perak. Even though the dialects of these three areas have similarities and are categorized as one dialect, each area has its own sub-dialects. This paper is a descriptive analysis of the northern Perak dialect, and seeks to identify the forms and status of question words in this dialect. The methodology used in this research was to obtain data from respondents in Kampung Sayong Lembah and Kampung Simpang Melembu. The research shows that the question words in the northern Perak dialect differ slightly from those of standard Malay but can still be comprehended by others. The differences that can be seen are the question words can occur in the initial, medial and final positions in a sentence. This shows that there is variation in the Perak dialect.

Keywords: question words, dialect, northern Perak, syntax, descriptive


PENDAHULUAN

Asmah (2008) mengatakan bahawa ayat ialah unit nahu yang paling besar, maksudnya ayat bukan unsur bagi mana-mana unit. Ong (2009) pula menyatakan bahawa ayat ialah sekelompok kata yang terdiri daripada konstituen subjek dan konstituen predikat dengan maknanya yang lengkap. Tanpa kedua-dua unsur subjek-predikat dan makna, atau hilang salah satu daripadanya dalam ayat, sesebuah ayat dikatakan cacat atau tidak lengkap.

Ayat yang lengkap ini pula boleh dibahagikan kepada beberapa jenis ayat. Salah satu jenis ayat menarik ialah ayat tanya. Menurut *Kamus Linguistik* (1997):

Ayat tanya dirujuk sebagai ayat yang biasanya digunakan untuk menanyakan sesuatu dan berakhir dengan intonasi menaik. Ayat tanya ini lazimnya diakhiri dengan tanda (?) dalam sesuatu penulisan bagi menggantikan intonasi menaik.

Dalam bahasa Melayu, kata tanya boleh terdiri daripada pelbagai bentuk partikel mahupun kata akar. Kata tanya dalam bahasa Melayu boleh terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan. Kata tanya yang terdiri daripada satu perkataan adalah seperti *apa*, *siapa*, *bagaimana* dan *mengapa*. Beberapa perkataan juga boleh membentuk kata tanya, contohnya *berapa banyak*, *di mana*, dan *ke mana*. Gabungan perkataan



Rajah 1 Peta Utara Perak.

ini pula membentuk frasa. Oleh itu, kata tanya boleh terdiri daripada satu perkataan atau frasa dan dikenali sebagai kata tanya atau frasa kata tanya. Lazimnya kata partikel *-kah* dicantumkan kepada frasa kata tanya atau kata tanya. Namun, terdapat juga kata tanya yang diakhiri dengan *boleh*, *bukan* dan *ya*. Menurut *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (2006), kata tanya bermaksud “perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu, contohnya *mengapa, berapa, bila* dan *bagaimana*”. Kata tanya hadir dalam ayat sebagai sebahagian daripada predikat. Menurut *Tatabahasa Dewan*, jika kata tanya dikedepankan, maka kata tanya itu hendaklah disertai partikel *-kah* untuk mendukung makna soalan.

Kata tanya lazimnya digunakan untuk mendapatkan penjelasan atau keterangan. Contohnya, “Bagaimanakah mahu membuat kuih ini?”, “Di manakah saya boleh berjumpa dia?” Ringkasnya, penggunaan kata tanya dalam sesuatu ayat adalah bertujuan untuk mendapatkan jawapan atau penjelasan. Pemilihan kata tanya terbuka akan memberikan jawapan yang lebih lagi berbanding dengan jawapan ya atau tidak.

KAJIAN LEPAS

Penulisan tentang kata tanya dan sintaksis telah dikemukakan oleh Ahmad Khair (2002). Beliau membincangkan ayat tanya dalam bahasa Melayu, iaitu tentang partikel *-kah* dan juga pembahagian jenis ayat tanya. Dalam makalahnya dibincangkan secara terus kedudukan partikel *-kah* bagi ayat tanya tanpa melibatkan teori dalam bidang linguistik secara khusus.

Wong (2009) pula telah menulis artikel yang membincangkan kedudukan “yang” dalam rajah pohon sintaksis. Artikelnya bertajuk “*Wh-Questions in Malay: An Explanation for The Restriction of Extraction to Subject Position with Yang*” melibatkan perbandingan dalam ayat tanya bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam aspek sintaksis.

Fazal Mohamed, Zaharani, Nor Hashimah dan Harishon (2011) telah meneliti kata tanya *bila* dalam dialek Melayu Baling, Kedah. Kajian ini mendapati kata tanya *bila* boleh mempunyai dua posisi, iaitu pada awal dan akhir ayat. Posisi pada awal ayat dikenali sebagai posisi bergerak, manakala posisi pada akhir ayat dikenali sebagai posisi *in situ*. Posisi *in situ* bertentangan dengan bahasa Melayu baku. Analisis sintaksis menggunakan Kerangka Minimalis mendapati bahawa KOMP sememangnya mempunyai [uwh] yang kuat, tetapi kekuatan berkenaan tidak mampu mewajibkan kata tanya tersebut bergerak ke posisi skop dalam dialek Melayu Utara. Sebaliknya, analisis ini telah mendakwa bahawa posisi Spek FKOMP dihadiri oleh Op (operator kosong) pada posisi Spek FKOMP untuk menyemak fitur [uwh] yang kuat pada KOMP?. Kehadiran Op pula menghalang pergerakan kata tanya bukan argumen ini ke posisi skop. Analisis ini mendapati bahawa kata tanya *in situ* atau tidak bergerak tidak menjadi masalah untuk menyemak kesemua fitur sebelum cetusan untuk menandakan suatu ayat tanya itu gramatis. Berdasarkan kajian ini, fenomena dua posisi yang berbeza untuk kata tanya *bila* merupakan fenomena yang spesifik bahasa bagi dialek Melayu Kedah.

Fazal Mohamed dan Nurulafiqah (2012) telah mengkaji secara deskriptif tentang kata soal dialek Kedah. Kajian ini mendapati kata soal yang digunakan mempunyai kedudukan yang tidak tetap, iaitu sama ada berada pada awal atau pada akhir ayat. Oleh itu, makalah ini mendakwa bahawa wujudnya fitur [\pm *in-situ*] sebagai fitur asas bagi setiap kata soal itu untuk menjelaskan fenomena dua kedudukan kata soal yang berbeza dalam dialek Kedah. Fitur asas [\pm *in-situ*] pula bercambah untuk membentuk fitur iaitu [+ *in-situ*], [- *in-situ*] atau [\pm *in-situ*] yang dapat menjelaskan sifat kata soal dialek Kedah dengan lebih tepat.

METODOLOGI

Kajian ini, menggunakan kaedah lapangan bagi mendapatkan data primer daripada penutur natif dialek Perak Utara. Kaedah lapangan ini melibatkan rakaman dan temu bual.

Kuala Kangsar telah dipilih sebagai kawasan umum kajian ini. Memandangkan daerah Kuala Kangsar ini agak luas dan mempunyai banyak mukim, maka kampung yang terletak di dua mukim yang berbeza dipilih. Kampung tersebut ialah Kampung Sayong Lembah dan Kampung Simpang Melembu.

Kampung Simpang Melembu terletak dalam mukim Senggang di daerah Kuala Kangsar. Mukim Senggang mempunyai 10 770 orang penduduk dan berkeluasan 40 372.3 hektar. Dalam mukim ini terdapat 21 buah kampung. Kampung Simpang Melembu merupakan salah satu daripadanya. Rata-rata penduduk di sini menjalankan kegiatan menjual tanaman sendiri di pasar tani atau pasar minggu. Tiga orang responden daripada kampung ini telah ditemu bual. Ketiga-tiga orang responden tersebut wanita (suri rumah), yang telah berumur lebih daripada 60 tahun.

Kampung Sayong Lembah pula terletak dalam mukim Sayong yang mempunyai 18 718 orang penduduk dan berkeluasan 16 422.5 hektar.



Rajah 2 Peta negeri Perak.

Mukim ini mempunyai 23 buah kampung. Kampung ini dipisahkan oleh Sungai Perak daripada bandar Kuala Kangsar. Perjalanan ke kampung ini mengambil masa selama lima minit dengan menaiki bot yang terletak di jeti Sungai Perak. Di kampung ini terdapatnya perusahaan labu sayung yang terkenal. Pengkaji telah menemu bual dua orang responden daripada kampung ini. Kedua-dua responden kawasan ini terdiri daripada lelaki yang telah melebihi usia 60 tahun.

Dalam sesi temu bual pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah. Kaedah pertama ialah bercerita. Pengkaji telah meminta responden bertanya tentang semua perkara yang mungkin menjadi persoalan responden tentang diri pengkaji. Cara ini didapati berjaya mengajak responden berbicara dengan menggunakan kata tanya, apabila responden berasa ingin tahu akan kehadiran pengkaji dan tujuan kami berada di situ. Kaedah lain yang digunakan untuk mendapatkan data adalah dengan menggunakan gambar. Responden A diminta untuk bertanya kepada responden B tentang gambar tersebut. Responden B pula perlu menjawab semua pertanyaan daripada responden A berpandukan gambar yang telah disediakan. Cara ini juga telah berjaya mendapatkan data primer yang terdiri daripada ayat tanya dalam pelbagai bentuk.

DIALEK PERAK

Tatabahasa Dewan (2006) mentakrifkan dialek atau loghat sebagai jenis bahasa yang digunakan dalam percakapan di sesuatu daerah atau bahagian negeri yang mempunyai pelat sebutan yang khas bagi daerah itu yang berbeza pula daripada sebutan umum yang digunakan di negara ini. Namun begitu, dialek masih lagi bersifat saling faham, iaitu masyarakat Malaysia masih mampu memahaminya. Menurut Raminah dan Rahim (1985), dialek ialah variasi bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam sesebuah masyarakat atau komuniti bahasa. Mohamad (2005) menyatakan bahawa di Semenanjung Malaysia, terdapat beberapa dialek yang dituturkan oleh penuturnya. Salah sebuah dialek yang dituturkan ialah dialek di utara Semenanjung yang meliputi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak. Dialek ini dikenali sebagai dialek Utara. Di negeri ini, dialek yang digunakan oleh penuturnya hampir sama dari segi kosa kata dan percakapannya, secara umumnya.

Raja Mukhtaruddin (1986) menyatakan bahawa dialek Perak mempunyai gaya yang khusus, berlainan daripada dialek bahasa Melayu

yang lain. Namun demikian, kelainan yang ada tidak menjejaskan tatabahasa Melayu yang betul yang digunakan dalam bahasa Melayu standard. Malah dialek Perak itu boleh dikatakan variasi bahasa Melayu standard. Dari segi sejarah, dialek Perak, seperti dialek Melayu yang lain berpunca daripada satu bentuk bahasa Melayu yang mempunyai aturan dan peraturan tatabahasa yang khusus dan tersendiri.

BENTUK DAN KEDUDUKAN KATA TANYA DIALEK PERAK UTARA

Analisis bentuk kata tanya dalam dialek Perak Utara ini melihat dan meneliti sama ada kata tanya dalam dialek Perak Utara berbeza daripada bahasa Melayu Standard ataupun tidak. Penghuraian secara deskriptif ini melihat kedudukan kata tanya sama ada di hadapan, tengah atau belakang. Selain itu, huraian melibatkan pergerakan setiap jenis kata tanya yang berlaku dalam dialek Perak Utara sama ada wujudnya pergerakan penuh atau tidak berlaku sebarang pergerakan (*in-situ*).

Kata Tanya Apa

Bentuk kata tanya *apa* yang terdapat dalam dialek Perak Utara ialah *apo*, *nate penamo*, *pa*, *ape*, *apɛ*, *apə*, *apa* dan *po*. Bentuk ini mempunyai kesamaan dengan bentuk bahasa Melayu Standard. Namun begitu, bagi frasa tanya *nate penamo* terdapat sedikit perbezaan. Frasa ini hadir bagi menggantikan *apa*. Antara contoh pertuturan yang wujud yang menggunakan bentuk ini termasuklah:

- (1) *apə dio*
Apo dio
Apa dia
Apakah dia?
- (2) *nate pənamo*
Nate penamo
Binatang nama itu
Apa benda itu?

- (3) mu dɔʔ wat pa tu
Mu dok wat pa tu
Kamu duduk buat apa itu
Apakah yang sedang kamu lakukan?
- (4) apə ɣaŋ naʔ ditapə
Ape yang nak ditanye
Apa yang hendak ditanya
Apakah yang hendak kamu tanya?
- (5) kɔmə bu^wat ape tu
Kome buat ape tu
Kamu buat apa itu
Apakah yang sedang kamu lakukan itu?
- (6) kɔmə ni tuɟzuwan apo
Kome ni tujuan apo
Kamu ini tujuan apa
Apakah tujuan kamu?
- (7) maʔ ayah kərɟʒa apa la ni
Mak ayah kerja apa lani
Mak ayah kerja apa sekarang
Apakah pekerjaan emak dan ayah sekarang?
- (8) naʔ bu^wat kadʒiʌn pɔ
Nak buat kajian po
Hendak buat kajian apa
Kajian apa yang hendak kamu lakukan?

Bentuk sebegini lazimnya dituturkan oleh penduduk di bahagian utara kawasan Perak Utara. Secara umumnya, bentuk *apa* di kawasan Perak Utara ini masih boleh difahami oleh masyarakat luar kerana hanya wujud sedikit perbezaan fonem.

Bagi kata tanya *apa*, ketiga-tiga kedudukan didapati wujud dalam dialek Perak Utara. Contoh bagi kata tanya di hadapan ialah ayat (1), (2), dan (4). Contoh bagi kedudukan kata tanya di tengah pula ialah ayat (3), (5) dan (7). Ayat (6) dan (8) pula menunjukkan contoh kedudukan

kata tanya di bahagian belakang ayat. Kebanyakan kata tanya berada di bahagian depan ayat dan diikuti dengan kata nama, kata nama tunjuk dan kata hubung. Kata nama tunjuk yang lazimnya didapati ialah *itu* tetapi bentuknya dalam dialek Perak Utara ialah *tu* (itu).

Kata Tanya Siapa

Kata tanya *siapa* yang terdapat dalam dialek Perak Utara ialah *po*, *sapo*, *ape*, *apə*, *sapə*, *apə*, *sape*, *siape*, dan *siapa*. Antara contoh dialeknnya termasuklah:

- (9) mu ni anə? sapə
Mu ni anak sapo
Kamu ini anak siapa
Kamu ini anak kepada siapa?
- (10) sapa pukul mu
Sapa pukul mu
Siapa pukul kamu
Siapakah yang memukul kamu?
- (11) apə namənya
Apa namenya
Apa namanya
Siapakah namanya
- (12) kamu name ape
Kamu name ape
Kamu nama apa
Siapakah nama kamu?
- (13) oʔaŋ tu sape
Oghang tu sape
Orang itu siapa
Siapakah orang itu
- (14) apə name kamu
Apa nama kamu
Apa nama kamu
Siapakah nama kamu?

- (15) bənda ni sapə yaŋ bu^wat
Benda ini sape yang buat
Benda ini siapa yang buat
Siapakah yang buat ini?
- (16) siape deme ni
Siapa deme ni
Siapa kamu ini
Siapakah kamu ini?
- (17) siapə di^ʔa dengan kamu
Siapa dia dengan kamu
Siapa dia dengan kamu
Siapakah dia dengan kamu?

Bentuk-bentuk kata tanya *siapa* bagi dialek Perak Utara ini mempunyai sedikit perbezaan dari segi fonetiknya (perbezaan ini tidak akan dibincangkan dalam kajian ini). Masyarakat ini menggunakan ape, ape dan apə digunakan oleh masyarakat ini sebagai salah satu bentuk kata tanya siapa. Bentuk ini lazimnya digunakan ketika bertanya tentang identiti seseorang.

Kata tanya *siapa* boleh hadir pada awal ayat, pertengahan dan akhir ayat. Namun begitu, kedudukan yang lazim bagi kata tanya *siapa* adalah pada awal ayat seperti ayat (10), (11), (14), (16) dan (17). Kata tanya ini didahului oleh golongan kata nama dan kata nama tunjuk, iaitu anak (ayat 9), name (ayat 12), dan ni (ayat 15). Seterusnya, kata tanya siapa diikuti pula oleh kata nama seperti namanya (ayat 11), name (ayat 14), deme (ayat 16) dan dia (ayat 17), kata hubung yang (ayat 15) dan kata kerja pukul (ayat 10). Kata tanya ini didahului oleh golongan kata nama seperti pada ayat (9), (12) dan (15) kerana kata tanya ini selalunya digunakan untuk bertanyakan tentang identiti atau pengenalan seseorang. Oleh hal yang demikian, kata tanya ini didahului oleh golongan kata nama. Contohnya ayat (9), kata tanya sapo dalam ayat ini didahului oleh anak (anak) yang merupakan salah satu daripada kata nama. Penemuan ini sedikit berbeza daripada kata tanya *siapa* dalam dialek Kedah. Fazal Mohamed dan Nurulafiqah (2013) mendapati bahawa kata soal sapa (siapa) wujud pada kedudukan *in-situ* atau akhir ayat sahaja.

Kata Tanya *Mana*

Bentuk kata tanya *mana* yang digunakan oleh penduduk kawasan Perak Utara ialah *mana*, *mano*, *manaε*, *manə*, *mane* dan *na*. Bentuk ini mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu standard.

- (18) *mana mu na? gi*
 Mana mu nak gi ?
 Mana kamu hendak pergi
 Ke manakah kamu hendak pergi?
- (19) *mai manə ni*
 Mai mano ni ?
 Mari mana ini
 Dari manakah pro datang?
- (20) *kat mane pəɟabat pəŋhulunya*
 Kat mane pejabat penghulunya ?
 Dekat mana pejabat penghulunya
 Di manakah pejabat penghulu?
- (21) *kamu tiŋgey di mana*
 Kamu tinggei di mana ?
 Kamu tinggal di mana
 Di manakah kamu tinggal?
- (22) *kəmə dataŋ dari mane*
 Kome datang dari mane ?
 Kamu datang dari mana
 Dari manakah kamu datang?
- (23) *mu na? gi na*
 Mu nak gi na ?
 Kamu hendak pergi mana
 Ke manakah kamu hendak pergi?

Kata tanya *mana* dalam dialek Perak Utara didapati didahului oleh kata kerja *mai* (ayat 19) dan *gi* (ayat 23), dan kata sendi nama dalam *kat* (ayat 20), *di* (ayat 21) dan *dari* (ayat 22). Terdapat juga kata tanya *mana* yang tidak didahului oleh kata sendi seperti (23). Kata tanya *ini* diikuti pula oleh kata nama tunjuk *ni* (ayat 19) dan kata nama *pejabat*

(ayat 20). Kata tanya ini boleh hadir pada awal ayat (18), tengah ayat (19) dan (20) dan juga akhir ayat (21), (22) dan (23). Didapati bahawa taburan kehadiran kata tanya atau kata soal *mana* ini sama dengan taburan kata soal *mana* dalam dialek Pulau Pinang (Fazal Mohamed dan Norasmira, 2012). Namun, pengkaji mendapati kedudukan yang lazim bagi kata tanya ini adalah pada akhir ayat, yang agak berlainan daripada bahasa Melayu standard yang mendahulukan penggunaan kata tanya pada awal ayat.

Kata Tanya *Mengapa* atau *Kenapa*

Bagi kata tanya jenis *mengapa* atau *kenapa* didapati bahawa bentuk kata tanya ini adalah banyak dan berbeza mengikut kawasan masing-masing di Perak Utara. Bentuk termasuklah *gena*, *lagu mana*, *wat pa*, *kenapə*, *buat apə*, *apə ke heinye*, *ape kena*, *ape buat*, *ape ceghitanya*, *apə heinye*, *ape koje*, *mengape*, *kenapo*, *pasaipo*, *pasaipo*, *hokpa*, *bokpa* dan *buat apo*. Antara contohnya termasuklah:

- (24) gena mu ni
 Gena mu ni?
 Kenapa kamu ini
 Kenapakah kamu ini?
- (25) mu ni lagu mana
 Mu ni lagu mana ?
 Kamu ini lagu mana
 Mengapakah dengan kamu ini?
- (26) mu ni mari wa? pa
 Mu ni mari wat pa ?
 Kamu ini mari buat apa
 Kenapakah kamu datang ke mari?
- (27) kənapə datan
 Kenapo datang ?
 Kenapa datang
 Kenapakah pro datang?
- (28) bu^wat ape əngkau kə mari
 Buat ape engkau ke mari ?
 Buat apa engkau ke mari
 Kenapakah engkau datang ke mari?

- (29) mængədzut kəmə datan̄ ni apə kə he:nyə
Mengejut kamu datang ni apo ke heinye ?
Mengejut kamu datang ini apa kah halnya
Kenapakah kamu datang mengejut begini?
- (30) apə kəna kəmə ni
Ape kena kome ni ?
Apa kena kamu ini
Kenapa dengan kamu ini?
- (31) apə bu^wat kəmə datan̄ kə mayi
Ape buat kome datang ke maghi ?
Apa buat kamu datang ke mari
Kenapakah kamu datang ke mari?
- (32) apə tʃəyitənya datan̄
Ape ceghitanya datang ?
Apa ceritanya datang
Kenapakah pro datang?
- (33) apə he:nyə badzu kamu ni kətə
Ape heinya baju kamu ni kotor ?
Apa halnya baju kamu ini kotor
Kenapakah baju kamu ini kotor?
- (34) apə kəje kəmə ni
Ape koje kome ni ?
Apa kerja kamu ini
Mengapakah dengan kamu ini?
- (35) mengape ketə tu təbale?
Mengapa kete tu terbalik ?
Mengapa kereta itu terbalik
Mengapakah kereta itu terbalik?
- (36) kenapo bu^wat kajian ni
Kenapo buat kajian ni?
Kenapa buat kajian ini
Kenapakah pro buat kajian ini?
- (37) tu pasaipa dɔ? bawəh tu
Tu pasaipa dok bawah tu ?

- Itu pasal apa duduk bawah itu
Kenapakah pro duduk di bawah?
- (38) pasaipo nɔʔ taw pətʃakapan oyaŋ sini
Pasaipo nak tau percakapan oghang sini ?
Pasal apa hendak tahu percakapan orang sini
Kenapakah pro hendak tahu dialek di sini?
- (39) hɔʔpa haŋ bu^wat matʃam tu
hokpa hang buat macam tu?
Kenapa hang buat macam itu
Kenapa hang buat macam itu?
- (40) mu bɔʔpa bu^wat matʃam tu
Mu bokpa buat macam tu?
Kamu kenapa buat macam itu
Kenapakah kamu buat macam itu?
- (41) sunge: ni lagu ini bu^wat apo
Sungai ni lagu ini buat apo ?
Sungai ini lagu ini buat apa
Kenapakah sungai ini jadi begini?

Bentuk kata tanya *ape hei nye*, *ape ceghitanya*, *ape ke heinye* dan *ape heinye* merupakan bentuk yang digunakan sebagai satu rangkai kata dan mewakili *mengapa* atau *kenapa*. Bentuk seperti *hokpa* dan *bokpa* pula dilihat hampir menyamai dialek Kelantan, iaitu menggunakan *bakpo* untuk *kenapa* atau *mengapa*. Bentuk yang menggunakan pendahuluan apa seperti *ape koje*, *ape buat* dan *ape kena* tidak kerap digunakan oleh penduduk Perak Utara berbanding bentuk yang lain berdasarkan bilangan yang terdapat dalam data kajian.

Kata tanya *kenapa* atau *mengapa* dalam dialek Perak Utara didapati boleh wujud dalam tiga kedudukan, iaitu sama ada pada awal ayat, pertengahan ataupun akhir ayat. Contoh kedudukan pada awal ayat seperti dalam ayat (24), (27), (28), (30), (31), (32), (33), (34), (35), (36), (38) dan (39). Manakala contoh pada pertengahan ayat adalah dalam ayat (40). Kedudukan di pertengahan ayat adalah paling sedikit. Kesemua kata tanya ini diikuti oleh kata nama *mu* (ayat 24), *engkau* (ayat 28), *komə* (ayat 30 dan 31), *baju* (ayat 33), *kome* (ayat 34), *kete* (ayat 35) dan *hang* (ayat 39). Kata tanya yang diikuti oleh kata kerja ditemui dalam ayat (27), (36), (37)

dan (40). Kata bantu *nak* (hendak) mengikuti kata tanya *mengapa* atau *kenapa* bagi ayat (38). Kedudukan pada akhir ayat pula didapati dalam ayat (25), (26), (29) dan (41). Kata tanya ini didahului pula oleh kata tunjuk contohnya *ni* (ayat 25 dan 29), *tu* (ayat 37), *ini* (ayat (41), kata kerja *mari* (ayat 26) dan kata nama *mu* (ayat 40).

Kata Tanya *Bagaimana*

Bentuk kata tanya *bagaimana* yang terdapat dalam dialek Perak Utara ialah *gena*, *lagu mana*, *macam mane*, *mane ghope*, *mana*, *macam mane*, *bagaimane*, *macam mana*, *cmano*, *macam gena*, *cana*, *geno* dan *lagu mane*. Dalam dialek Perak Utara, *lagu mana* dan *macam mane ghope* digunakan sebagai satu frasa yang bermaksud *bagaimana*. Maksudnya, frasa tersebut hadir sebagai satu rangkaian kata yang menyeluruh untuk menggantikan penggunaan *bagaimana* dan tidak digunakan secara terpisah.

Didapati bentuk *gena* turut digunakan bagi menggantikan kata *bagaimana* selain untuk kata *mengapa* atau *kenapa*. Menurut pendapat pengkaji, keadaan ini bergantung pada konteks situasi dan masa. Contohnya dalam ayat (24), *gena* dalam ayat tersebut sesuai ditafsirkan sebagai *kenapa* kerana dalam konteks tersebut kata ini digunakan untuk bertanyakan akan keadaan orang yang ditanya. Dalam ayat (42) pula, *gena* ditafsirkan sebagai *bagaimana* kerana penyoal ingin mengetahui cara atau proses terjadinya perkara tersebut dan bukannya keadaan perkara itu.

Contoh ayat yang menggunakan bentuk kata tanya *bagaimana* termasuklah:

- (42) benda tu gena dzadi
Benda tu gena jadi ?
Benda itu bagaimana jadi
Bagaimanakah perkara itu terjadi?
- (43) mu ni lagu mana
Mu ni lagu mana
Kamu ini bagaimana
Bagaimanakah kamu ini?
- (44) na? tempoya? matjam mane
Nak tempoyak macam mane

Hendak buat tempoyak macam mana
Bagaimanakah hendak buat tempoyak?

- (45) mane γope hidop komə ni
Mane ghope hidup kome ni
Mana rupa hidup kamu ini
Bagaimana dengan hidup kamu sekarang?
- (46) matfam mane kəadaan kamu ni
Macam mane keadaan kamu ni ?
Macam mana keadaan kamu ini
Bagaimana dengan keadaan kamu?
- (47) bagaimanə tʃarə kamu na? naʔi? bot
Bagaimane cara kamu nak naik bot
Bagaimana cara kamu hendak naik bot
Bagaimana cara kamu hendak naik bot?
- (48) matfam mana boleh mai ku? ni
Macam mana boleh mai kot ni ?
Macam mana boleh mari ikut ini
Bagaimana pro boleh sampai ke sini?
- (49) tʃamanə na? buʔat ni
Cmano nak buat ni ?
Macam mana hendak buat ini
Bagaimana hendak buat ini?
- (50) matfam gena hal tu jadi
Macam gena hal tu jadi
Macam bagaimana hal itu terjadi
Bagaimana hal itu terjadi?
- (51) tʃana na? buʔat
Cana nak buat
Macam mana hendak buat
Bagaimana hendak buat?

- (52) geno hang bu^wat matfam tu
 Geno hang buat macam tu
 Bagaimana hang buat macam itu?
 Bagaimana hang buat macam itu?
- (53) lagu mane kita na? bu^wat bəndə ni
 Lagu mane kita nak buat bende ni ?
 Lagu mana kita hendak buat benda ini
 Bagaimana kita hendak buat benda ini?

Kata tanya *bagaimana* dalam dialek Perak Utara ini mempunyai ketiga-tiga kedudukan, iaitu pada awal, tengah dan akhir ayat. Walau bagaimanapun, kedudukan yang lazim bagi kata tanya ini adalah pada awal ayat. Kedudukan di tengah ayat paling jarang didapati, dan contohnya dalam ayat (43). Kedudukan di depan adalah sama seperti kedudukan bagi kata tanya dalam bahasa Melayu standard. Kata tanya ini diikuti oleh kata nama hidup (ayat 45), keadaan (ayat 46), hal (ayat 50), hang (ayat 52) dan kita (ayat 53), kata kerja jadi (ayat 42) dan cara (ayat 47) dan kata bantu boleh (ayat 48), nak (ayat 49 dan 51). Manakala kata tanya ini didahului pula oleh kata nama tempoyak (ayat 44) dan kata nama tunjuk tu (ayat 42) dan ni (ayat 43).

Kata Tanya *Bila*

Bagi kata tanya jenis *bila*, pengkaji mendapati bentuk kata tanya adalah sama dengan bahasa Melayu standard. Yang membezakannya ialah sebutan fonem akhir yang berbeza bagi sesetengah tempat. Bentuk *bila* yang terdapat dalam dialek Perak Utara ialah *bila*, *bile* dan *bile*.

- (54) bila huma na? kələ?
 Bila huma nak kelik ?
 Bila kamu hendak balik
 Bilakah kamu hendak pulang?
- (55) kəyətə ni bilə təbale?
 Kerete ni bile terbalik ?
 Kereta ini bila terbalik
 Bilakah kereta ini terbalik?

Jadual 1 Bentuk kata tanya.

Kata Tanya Bahasa Melayu Standard	Bentuk Kata Tanya dalam Dialek Perak Utara	Kedudukan pada Awal Ayat	Kedudukan pada Tengah Ayat	Kedudukan pada Akhir Ayat
Apa	apo, nate penamo, pa, ape, ape, apo, apa dan po	/	/	/
Siapa	apo, nate penamo, pa, ape, ape, apo, apa dan po	/	/	/
Mana	mana, mano, mane, manə, mane dan na	/	/	/
Mengapa/ Kenapa	gena, lagu mana, wat pa, kenapo, buat ape, apo ke heinye, apo kena, apo buat, apo ceghitanya, ape heinye, apo koje, mengape, kenapo, pasaipa, pasaipo, hokpa, bokpa dan buat apo	/	/	/
Bagaimana	gena, lagu mana, macam mane, manə ghopə, mana, macam manə, bagaimane, macam mana, cmano, macam gena, cana, geno dan lagu mane	/	/	/
Berapa	bapa, brapo, beghapo, beghapo, berape, bape, beghapa, beghapo dan berapo	/	/	/

- (56) kəmə na? datan kəmayi bilə
Kome nak datang kemaghi bile ?
Kamu hendak datang ke mari bila
Bilakah kamu hendak datang?

Kata tanya *bila* dalam dialek Perak Utara wujud dalam ketiga-tiga posisi dalam ayat, iaitu depan (54), tengah (55) dan akhir ayat (56). Kata tanya ini diikuti oleh kata nama huma (ayat 54) atau kata kerja terbalik (ayat 55). Kata tanya *bile* didahului oleh kata nama tunjuk *ni* (ayat 55) atau kata kerja *kemaghi* (ayat 56).

Kata Tanya *Berapa*

Beberapa bentuk kata tanya didapati untuk kata tanya jenis *berapa*. Bentuk ini adalah selaras dengan bentuk bahasa Melayu standard dan juga sama dengan keadaan kata tanya *bila*. Yang berbeza hanyalah disebabkan oleh faktor fonologi di beberapa kawasan Perak Utara. Bentuk ini termasuklah *bapa*, *brapo*, *beghapə*, *beghapε*, *berape*, *bapə*, *beghapa*, *beghapo* dan *berapo*. Contohnya ialah:

- (57) bapə bendə ni
Bapa benda ni ?
Berapa benda ini
Berapakah benda ini?
- (58) bəyapə ade?-beyade?
Brapo adik-beradik ?
Berapa adik-beradik
Berapakah bilangan adik-beradik pro?
- (59) bəyapə hargə ketə ni
Berape harge kete ni ?
Berapa harga kereta ini
Berapakah harga kereta ini?
- (60) diə dari sini pukəl bapə
Dia dari sini pukul bape ?
Dia dari sini pukul berapa
Pukul berapakah dia bertolak dari sini?

- (61) bəɣapə hargə ni
Beghape hargo ni?
Berapa harga ini
Berapakah harga ini?
- (62) bayə bəɣapə
Bayor beghape?
Bayar berapa
Berapakah bayarannya?
- (63) dalam sunjai ni bəɣapə
Dalam sungai ni beghapa?
Dalam sungai ini berapa
Berapakah dalam sungai ini?
- (64) bəɣapə oɣanj mai
Beghapa orang mai?
Berapa orang mari
Berapakah bilangan orang yang datang?
- (65) hargə bayanj ni bəɣapə
Harga barang ini berapo ?
Harga barang ini berapa
Berapakah harga barang ini?

Kata tanya *berapa* dalam dialek Perak Utara wujud sama ada pada awal atau akhir ayat. Kata tanya ini tidak wujud di tengah-tengah ayat. Kata tanya ini diikuti oleh kata nama sahaja contohnya benda (ayat 57), *adik-beradik* (ayat 58), *harge* (ayat 59), *hargə* (ayat 61) dan *orang* (ayat 64) dan didahului oleh kata nama *bayor* (ayat 62), kata nama tunjuk *ni* (ayat 63) dan *ini* (ayat 65) serta kata kerja *bape* (ayat 60).

Berdasarkan data, didapati bahawa bentuk kata tanya dalam dialek Perak Utara kebanyakannya berlainan daripada bahasa Melayu standard. Pengkaji mendapati bentuk ini paling ketara berbeza dari segi fonetiknya. Selain itu, setiap kata tanya dalam dialek ini juga didapati wujud pada awal ayat, tengah ayat dan akhir ayat.

RUMUSAN ANALISIS DATA

Secara umumnya, bentuk kata tanya yang terdapat dalam dialek Perak Utara hampir keseluruhan bentuk ini berbeza dari segi fonologinya, melainkan sesetengahnya. Terdapat juga beberapa bentuk yang menggabungkan leksikal tertentu dan wujud sebagai satu frasa. Segala bentuk kata tanya ini dirumuskan dalam Jadual 1.

Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa setiap kata tanya dalam dialek Perak Utara mempunyai bentuknya yang tersendiri dan berbeza daripada bahasa Melayu standard. Bentuk ini adakalanya menyerupai loghat utara seperti *beghapa* dan adakalanya hampir menyerupai dialek Kelantan seperti *bokpa*. Sesuatu dialek itu semakin lemah dan bertindan dengan dialek jirannya yang juga semakin lemah di kawasan isoglosnya. Walaupun wujudnya perbezaan bentuk sebegini, dialek ini masih boleh difahami oleh masyarakat lain.

Selain itu, kata tanya dalam dialek Perak Utara ini juga wujud dalam ketiga-tiga kedudukan, iaitu pada awal ayat, pertengahan ayat dan juga akhir ayat. Kesemua kedudukan ini menunjukkan bahawa kata tanya dalam dialek Perak Utara bersifat boleh ubah. Kedudukan sebegini memudahkan masyarakat lain mempelajari dan seterusnya menggunakan dialek ini. Kedudukan boleh ubah ini juga menunjukkan kata tanya dalam dialek ini bersifat variasi.

KESIMPULAN

Kaedah huraian deskriptif telah dilakukan bagi menjelaskan bentuk dan kedudukan jenis kata tanya yang terdapat dalam dialek Perak Utara serta kedudukannya dalam ayat tanya. Didapati bahawa bentuk kata tanya dialek Perak Utara ini walaupun terdapat perbezaan berbanding dengan bahasa Melayu Standard, bentuk ini masih dapat difahami oleh masyarakat lain. Bentuk ini kebanyakannya berbeza dari segi fonetiknya sahaja. Selain itu, kedudukan bagi setiap kata tanya dialek ini adalah pada awal ayat, tengah ayat dan akhir ayat. Kedudukan yang pelbagai ini menggambarkan variasi yang wujud dalam dialek ini dan juga menunjukkan bahawa ayat tanya dialek ini tidaklah mempunyai struktur sintaksis yang terhad dan terikat. Oleh hal yang demikian, secara kesimpulannya kata tanya dalam dialek ini mempunyai variasi yang pelbagai tetapi tidak menyukarkan masyarakat lain untuk memahaminya.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi yang berkod: UKM-SK-05-FRGS0006-2008.

RUJUKAN

- Ahmad Khair Mohd. Nor. "Ayat Tanya" dlm. *Pelita Bahasa*, hlm. 22-23, Disember 2002
- Asmah Haji Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. 2011. "Kata Tanya Bila Dalam Dialek Kedah Melayu Baling: Satu Analisis Sintaksis" dlm. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 11:1, hlm. 69-80, 2011.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nurulafiqah Suhaimi, "Kata Soal dalam Dialek Kedah dlm. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 12:2, hlm. 475 - 93, 2012.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Norasmira Noordin, "Kata Tanya 'mana' dalam Dialek Pulau Pinang dalam Program Minimalis" dlm. *Jurnal Bahasa* 12:1, hlm. 87-103, 2012 .
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi, "Sintaksis Kata Tanya 'Sapa' dalam Dialek Kedah" dlm. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 13:1, hlm. 43- 59, 2013.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Shahidan, 2005. *Dialek Utara Semenanjung dalam Pantun*. Pelita Bahasa November: 44-45.
- Ong Ching Guan, 2009. *Kuasai Struktur ayat BM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd Dain, 1986. *Dialek Perak*. Perak: Yayasan Perak.
- Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam, 1985. *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wong Bee Eng, 2009. *Wh-Questions in Malay: An Explanation for the Restriction of Extraction to Subject Position with Yang*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Diperoleh (*received*): 24 April 2015

Diterima (*accepted*): 7 September 2015